



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 52 / 2025

KBS RAIKAN KOMITMEN CHERY MALAYSIA: RM50,000 DISALURKAN KE KUMPULAN WANG AMANAH SUKAN NEGARA (KWASN)

11 JULAI 2025

1. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Chery Malaysia** atas sumbangan sebanyak **RM50,000** kepada **Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara (KWASN)**. Sumbangan yang diumumkan semasa Pelancaran Chery Tiggo Cross pada 9 Julai yang lalu ini mencerminkan sokongan berterusan sektor korporat terhadap pembangunan sukan negara.
2. Pihak Chery Malaysia juga memaklumkan bahawa sebahagian daripada keuntungan daripada penjualan model Chery Tiggo Cross ini akan disalurkan ke KWASN sebagai komitmen berterusan kepada usaha-usaha KBS dalam merakyatkan dan membangunkan sukan selari dengan Visi Sukan Negara 2030.
3. Chery Malaysia telah menghadiahkan kereta kepada atlet-atlet Malaysia yang berjaya meraih pingat semasa Sukan Olimpik Paris 2024. Kerjasama strategik antara sektor kerajaan dan swasta seperti ini bukan sahaja berupaya melonjakkan prestasi sukan negara ke tahap yang lebih tinggi, malah turut menjadi penghargaan kepada para atlet yang telah mengharumkan nama negara di pentas dunia.
4. KWASN merupakan tabung amanah yang dibuka kepada umum dan bertujuan untuk menyediakan geran untuk menganjurkan program/ aktiviti sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa termasuk penyertaan atlet (sama ada yang bernaung di bawah persatuan sukan ataupun persendirian) dalam kejohanan bertaraf antarabangsa di luar negara khususnya membantu menaikkan kedudukan ranking atlet negara. Maklumat lanjut berkaitan KWASN boleh didapati di www.kbs.gov.my/utama-kwasn.

5. KWASN ditadbir urus oleh satu jawatankuasa yang turut mempunyai wakil Kementerian Kewangan bagi memastikan kebertanggungjawaban, ketelusan, dan integriti dalam pengurusan kewangan.
6. KBS menggalakkan lebih banyak syarikat dan entiti korporat untuk turut serta menyumbang kepada KWASN atau mana-mana inisiatif pembangunan sukan yang lain, sama ada dalam bentuk tajaan, sumbangan kewangan atau kerjasama dalam program pembangunan bakat. Penyertaan sektor swasta amat penting dalam mewujudkan ekosistem sukan yang mampan, berprestasi tinggi dan menyeluruh demi kejayaan jangka panjang sukan Malaysia.
7. Syarikat dan entiti korporat yang berminat untuk menyumbang ke KWASN boleh menghubungi Sekretariat KWASN melalui emel sekretariat.kwasn_kew@kbs.gov.my.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

